

Kejayaan Tidak Datang Bergolek 'Usahawan Mesti Sedia Bekerja Keras'



• Salihin Abang

SIKAPNYA yang ramah dan sentiasa ketawa membuatkan ramai tidak menyangka Salihin Abang, 33, adalah pemilik tiga cawangan syarikat perunding audit, cukai dan perakaunan. Usahawan muda yang berasal dari Kuching, Sarawak mengakui bidang perniagaannya ini adalah perniagaan yang 'dry' dan ramai beranggapan ia memerlukan seseorang yang serius.

Tidak dinafikan keluarganya turut mencadangkannya untuk makan gaji memandangkan ahli keluarganya lain tiada yang membuka perniagaan. "Mereka mencadangkan supaya saya bekerja di pejabat akauntan negeri," katanya sambil ketawa kecil.

Namun bagi anak keempat daripada tujuh beradik ini, peluang membuka syarikat perunding audit, cukai dan perakaunan adalah peluang

keemasan yang tidak boleh dilepaskan. Menurut Salihin, perniagaan sebagai perunding audit, cukai dan perakaunan adalah perniagaan yang *secure*. "Setiap tahun, setiap perniagaan memerlukan perkhidmatan audit, cukai dan perakaunan."

"Saya juga melihat perniagaan ini sebagai bidang perniagaan yang baru bagi bumiputera dan ada potensi untuk berkembang. Sebelum ini, ia dimonopoli oleh bangsa bukan bumiputera," jelas Salihin mengenai faktor utama dia membuka perniagaannya itu.

Mempunyai latar belakang sarjana muda perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa, Salihin membuka perniagaan dengan bermodal ilmu pengetahuan dalam bidang perakaunan dan pengalaman bekerja sebagai juruaudit selama beberapa tahun.

"Saya bermula dengan sebuah komputer dan kad kredit dengan had maksimum RM3000. Itulah modal yang saya pusing selama beberapa bulan," jelasnya sambil ketawa.

Menurut Salihin lagi, perniagaan ini tidak menggunakan banyak modal jika membuatnya sendiri. Selepas empat bulan, ternyata Salihin perlu mengambil seorang



• BANGGA... Salihin yakin dengan potensi syarikat-syarikatnya

pekerja. "Pada mulanya saya mendapat bantuan seorang pelajar universiti yang perlu menjalani latihan industri. Apabila kerja semakin banyak, saya mula mengambil seorang pekerja tetap," katanya lagi.

Kini selepas empat tahun syarikat Salihin telah berkembang menjadi tiga cawangan iaitu di Pulau Pinang, Johor Bharu dan Kuala Lumpur dengan 40 orang tenaga kerja. Malah, bermula dengan satu syarikat, kini, Salihin mempunyai empat syarikat iaitu Salihin & Associates, Aljafree Salihin Kuzaimi, Asna Tax Services Sdn Bhd dan Asna Corporate Services Sdn Bhd.

Setiap cawangan syarikatnya bergerak *independently*. Ini bermakna setiap cawangan mempunyai pengurus dan pekerjaanya sendiri. Malah, mereka perlu mencari *klien* dan pendapatan bagi menampung perbelanjaan operasi cawangan masing-masing. Walaupun begitu, Salihin tidak lepas tangan. "Jika ada kes yang besar atau melibatkan pertemuan pengarah-pengarah syarikat, saya akan ke sana setiap minggu," jelas Salihin.

Pelanggannya terdiri dari syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur, badan-badan kerajaan, yayasan dan syarikat dari pelbagai industri. Walaupun pilihan untuk bekerja sendiri kini membuahkan hasil, Salihin tidak menafikan wujudnya cabaran yang jauh dari anggapannya sebelum ini.

"Ketika saya mula-mula bekerja makan gaji sebagai auditor, saya dapati bos-bos saya hidup agak mewah. Tetapi, setelah saya masuk ke bidang ini, kemewahan bukan menjadi kayu pengukur. Cabaran di bidang ini sama seperti dalam mana-mana perniagaan," tambahnya lagi.

Menurut Salihin, masalah yang sering dihadapi oleh kebanyakan usahawan ialah masalah disiplin pekerja. "Perniagaan saya meng-



• Salihin (kanan) bersama dua rakan kongsi Mohd Nasharudin (kiri) dan Ahmad Aljafree

gunakan 'orang' dan bukannya mesin dalam membuat kerja. Pengurusan manusia berbeza dari mengendalikan mesin."

"Dulu pening juga kepala kerana perlu memikirkan semua perkara. Sekarang ini saya ada pengurus untuk memastikan masalah disiplin terkawal. Di Salihin & Associates ini kami mengadakan mesyuarat bulanan. Di situ, kami akan *highlight* sebarang masalah untuk tindakan

“Dulu pening juga kepala kerana perlu memikirkan semua perkara. Sekarang ini saya ada pengurus untuk memastikan masalah disiplin terkawal. Di Salihin & Associates ini kami mengadakan mesyuarat bulanan”

bersama. Malah, setiap pekerja tahu, penilaian kerja akan menentukan kenaikan gaji, pangkat mahupun bonus yang akan diberi," jelasnya.

Persaingan juga menjadi cabaran dalam perniagaannya. Tambah Salihin, "Kini ramai auditor membuat perniagaannya sendiri. Malah, ada individu yang bergerak secara *free lance* dan menawarkan harga yang cukup rendah."

Bagi Salihin, persaingan adalah normal dalam mana-mana perniagaan. Dia sedang berusaha meletakkan nama syarikatnya setanding dengan syarikat-syarikat besar. "Tidak ada cara lain untuk memperkenalkan syarikat selain menaikkan kredibiliti syarikat melalui perkhidmatan yang cemerlang."

"Saya yakin syarikat audit di Malaysia boleh menjadi seperti *The Big Four* jika kita mempunyai perkhidmatan pelanggan yang bagus. Cara yang saya lakukan ialah sentiasa meningkatkan latihan dan pengetahuan kepada pekerja-pekerja saya kerana polisi audit dan perakaunan sentiasa berubah," katanya. *The Big Four* yang dimaksudkan ialah empat syarikat perunding audit terbesar



• Pekerja-pekerja Salihin Consulting Group dibawa bercuti ke Sarawak

iaitu KPMG, Pricewaterhouse, Deloitte dan Ernst Young.

Pada pendapat Salihin, syarikat perunding audit, cukai dan perakaunan di Malaysia boleh menjadi setanding dengan *The Big Four* yang ada di barat dan mampu menjadi gergasi di rantau Asia.

“Mungkin kerana saya menerima pendidikan akademik berlatarbelakangkan pendidikan Islam, maka sedikit sebanyak ia mempengaruhi cara saya bekerja. Saya mahu meletakkan kredibiliti audit berlandaskan Islam kerana saya yakin tugas sebagai juruaudit mempunyai tanggungjawab sosial yang besar,” jelas Salihin serius.

Tambahnya lagi, “Walaupun begitu, ini tidak bermakna kita hanya menggunakan piawai kejayaan kita di tahap dalam negara atau di rantau Asia sahaja. Kita harus meletakkan perkhidmatan dan pengetahuan kita *at par* dengan syarikat yang lebih besar.”

Bagi memastikan syarikat-syarikatnya berada dalam landasan yang betul, Salihin telah membuat *blueprint* atau rancangan jangka panjang yang akan menjadi peta perjalanan syarikatnya bagi tempoh 30 tahun akan datang.

“Setiap lima tahun bermula dari tahun 2005, kami akan memantau setiap kejayaan kami melalui aset yang kami miliki, cawangan yang ada, tahap latihan kepada pekerja dan bilangan tenaga kerja.”

“Saya percaya ilmu pengetahuan adalah penting. Itu sebabnya saya meletakkan nilai utama syarikat ialah *knowledge* (Ilmu), *accountability* (Tanggungjawab) dan *harmony* (Harmoni). Setiap satu adalah penting bagi memastikan syarikat saya mencapai setiap matlamat syarikat,” katanya.

Menurut Salihin, setiap syarikat perlu mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang bagi memastikan syarikat melalui landasan yang betul. Malah, Salihin percaya matlamat syarikat mesti dikongsi dengan pekerja. “Ini penting...” tekan Salihin.

Tiada kejayaan yang datang begitu sahaja. Menurut Salihin, ciri-ciri usahawan dan orang yang berjaya ialah mereka yang bekerja keras. “Kebanyakan buku yang saya baca menekankan orang yang berjaya mesti ‘kuat bekerja’. Jika orang lain berkerja 12 jam kita kena kerja 18 jam. Malah, tiada istilah kerja *part time* bagi usahawan yang berjaya.

Usahawan berjaya dalam pekerjaan jualan langsung juga perlu bekerja keras walaupun mereka mengatakan mereka tidak bekerja,” katanya lagi.

Malah, Salihin juga percaya ilmu pengetahuan membezakan antara orang yang berjaya dan ‘orang biasa’. “Kita mesti belajar daripada kegagalan dan kejayaan usahawan yang lain. Gunakan contoh-contoh pengalaman usahawan yang boleh didapati daripada buku. Sejarah juga ada menceritakan rahsia kejayaan orang berjaya. Untuk berjaya, kita mesti ambitious dalam mengejar kejayaan,” nasihatnya lagi.

Sebelum mengakhiri, Salihin juga mengajak usahawan untuk turut berbangga dengan kejayaan rakan-rakan usahawan yang lain terutama di kalangan usahawan bumiputera yang telah berjaya. “Beri sokongan dan jangan iri hati,” katanya.

Bermula keluaran Mac/April 2006, Usahawan Sukses dengan kerjasama Salihin Consultant Group akan menjawab sebarang persoalan mengenai percukaian dan masalah kewangan syarikat anda. Sila hantarkan soalan anda itu ke: Soal Jawab Kewangan Anda, 13, Jalan SG 1/1, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves atau faks 03-6186 1228.